

01 FEB 2001

Putrajaya-Pengisytiharan

PENGISYTIHARAN PUTRAJAYA RINGKAS, TAPI PENUH MAKNA

PUTRAJAYA, 1 Feb (Bernama) -- Pengisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan yang dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Perdana di sini, hari ini, walaupun ringkas tetapi penuh makna dan bersejarah.

Majlis dimulakan dengan upacara memainkan lagu kebangsaan, diikuti upacara menaikkan bendera "Jalur Gemilang" dan bendera Putrajaya, yang menjadi Wilayah Persekutuan ketiga selepas Kuala Lumpur dan Labuan.

Perdana Menteri yang diiringi oleh antara lain timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Besar Selangor Datuk Dr Mohd Khir Toyo kemudiannya menandatangani "plaque" perisytiharan.

Dr Mahathir turut menyerahkan bendera Putrajaya kepada Presiden Perbadanan Putrajaya Tan Sri Azizan Zainul Abidin. Perbadanan ini diberi tanggungjawab membangun, mengurus dan mentadbir kawasan Putrajaya bagi pihak kerajaan Persekutuan.

Antara yang turut hadir ialah menteri-menteri kabinet, menteri-menteri besar, diplomat asing, anggota-anggota Dewan Undangan Negeri Selangor dan ratusan pegawai tinggi kerajaan yang lain.

Dr Mahathir kemudiannya dibawa menyaksikan pelbagai acara menarik di tasik berhampiran Masjid Putrajaya sempena perisytiharan ini.

Antara acara tersebut ialah lintas langsung oleh beberapa helikopter termasuk dari Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Turut menarik perhatian orang ramai ialah pertunjukan wau, pertunjukan formasi kayak, perahu tradisional, pertandingan mendayung dan perlumbaan bot naga.

Putrajaya yang luas 4,581 hektar, empat tahun lalu adalah sebuah ladang kelapa sawit dan getah yang dikenali sebagai Perang Besar.

Ia terletak 25km ke selatan Kuala Lumpur dan 20km ke utara dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, melalui lebuh raya yang sedia ada.

-- BERNAMA

RV ES ZB